

SULIT

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATUK OTHMAN BIN AZIZ
[JERLUN - BN]**

SOALAN (NO. 13)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status pembinaan Mini Stadium di Sanglang, Jerlun yang telah dilancarkan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri pada awal 2013

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Mini Stadium di Sanglang, Jerlun kini di peringkat awal pelaksanaan oleh kontraktor yang telah dilantik pada 9 Jun 2014. Berdasarkan Surat Setuju Terima (SST) yang dikeluarkan oleh JKR selaku agensi pelaksana, tempoh pelaksanaan projek adalah selama 15 bulan dan ia melibatkan anggaran kos sebanyak RM5 juta.
2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, nama projek telahpun diubah dari Mini Stadium Jerlun kepada Pusat Sukan Jerlun disebabkan oleh kekangan keluasan tapak. Skop komponen utama projek adalah gelanggang sukan berbumbung yang merangkumi 2 gelanggang futsal, 1 gelanggang serbaguna (bola keranjang, badminton, sepak takraw dan bola tampar), pejabat pentadbiran, bilik persalinan, stor dan tandas. Selain itu, pusat ini juga akan mempunyai dataran terbuka, pentas, taman permainan kanak-kanak, trek jogging di samping sebuah pondok pengawal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN
[SIK]

SOALAN :-

Y.B. DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan apakah langkah yang dirangka oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah pemilikan rumah oleh warga negara asing sehingga menyebabkan berlakunya peningkatan harga yang mendadak dan apakah langkah-langkah Kementerian bagi mengawal dan mencegah kenaikan tersebut yang menyebabkan golongan belia tidak dapat membeli rumah, dan apakah harga rumah akan turun pada masa hadapan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan data dari *National Property Information Centre (NAPIC)*, Kementerian Kewangan bilangan unit rumah yang dibeli oleh warga asing mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan Unit
2010	1,753
2011	1,909
2012	1,934
2013	1,846
2014 (Suku Tahun Pertama)	567

Kementerian berpandangan bahawa bilangan pemilikan warga asing terhadap rumah kediaman di negara ini bukanlah ditahap yang membimbangkan.

Kerajaan juga telah melaksanakan beberapa langkah untuk mengatasi masalah pemilikan rumah oleh warga negara asing iaitu :

- (i) Bagi bukan warganegara, pelupusan hartanah bagi tempoh pegangan sehingga 5 tahun dikenakan Cukai Keuntungan Harga Tanah sebanyak 30% dan pelupusan dalam tahun ke 6 dan berikutnya dikenakan sebanyak 5%; dan
- (ii) Meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM 1 juta.

Kerajaan juga telah melaksanakan banyak langkah untuk menambah bekalan rumah di pasaran yang secara langsung membantu golongan muda membeli rumah pertama mereka. Selain daripada pembinaan Program Perumahan Rakyat (PPR), Kerajaan juga melaksanakan pelbagai program perumahan antaranya ialah :

- i. **Skim Pinjaman Perumahan (SPP)** oleh Kementerian kepada golongan berpendapatan rendah untuk membina rumah di atas tanah sendiri;
- ii. **Program Bantuan Rumah (PBR)** kepada golongan miskin oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW);
- iii. **Program Rumah Mesra Rakyat 1Malaysia (RMR1M)** yang dikendalikan oleh Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB), Kementerian Kewangan;
- iv. **Program Perumahan1Malaysia (PR1MA)** khusus kepada generasi muda untuk membeli rumah oleh Perbadanan PR1MA, Jabatan Perdana Menteri;
- v. **Skim Rumah Pertamaku (SRP)** bagi membantu rakyat membeli rumah pertama mereka dengan mendapatkan pembiayaan 100% di bawah seliaan Kementerian Kewangan;

- vi. **Skim Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia** oleh Unit Kerjasama Awam Swasta, Jabatan Perdana Menteri (UKAS, JPM); dan
- vii. **Skim MyHome** khusus untuk golongan muda berpendapatan isi rumah antara RM3,000 – RM6,000 di bawah Kementerian ini.

Selain itu juga, Kerajaan-kerajaan Negeri juga perlu memainkan peranan penting dalam memastikan pelaksanaan dasar Kerajaan Persekutuan untuk memastikan semua rakyat dapat memiliki rumah dapat dicapai. Ini dapat dilakukan dengan memastikan syarat pembinaan kos rendah dan rumah mampu milik dikenakan kepada pemaju perumahan semasa mereka mengemukakan permohonan kelulusan pembangunan tanah dan kelulusan Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa Negeri.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

SOALAN : 15

Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah keberkesanan AES sejak diperkenalkan, adakah pelaksanaan AES dapat mengurangkan kadar kemalangan. Berapakah statistik saman AES yang telah dikeluarkan dan kutipan kompaun sejak ianya dikuatkuasakan pada April 2013.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan analisis yang dibuat oleh Institut Penyelidikan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (MIROS) terhadap perangkaan kemalangan jalan raya di 14 lokasi yang telah dipasang kamera AES, adalah didapati jumlah kemalangan maut mencatatkan penurunan sebanyak 36.84% bagi tempoh 8 bulan selepas pelaksanaannya.

Selain itu, kajian MIROS menunjukkan secara purata kadar pematuhan had laju di enam lokasi kamera tetap AES adalah lebih kurang 63% sebelum pelaksanaan AES dan kadar pematuhan had laju meningkat kepada 91% selepas pelaksanaan AES bagi hari-hari bekerja (*weekdays*). Manakala bagi 4 kamera tetap AES di kawasan persimpangan lampu isyarat, kadar pelanggaran lampu isyarat berwarna merah adalah 4.3% sebelum pelaksanaan AES dan menurun kepada 2.2% selepas pelaksanaan AES.

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 31 Ogos 2014, sebanyak 1,492,084 saman bagi kesalahan AES telah dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dengan jumlah kutipan bayaran saman AES yang telah diterima adalah sebanyak RM58,277,100.00 bagi tempoh yang sama.